

Untuk siaran segera

## **PENJELASAN MENGENAI PENGELUARAN AWAL SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS) DIKENAKAN CUKAI PEGANGAN DAN PINDAAN SEKSYEN 75A AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ingin memberikan penjelasan terhadap kebimbangan beberapa pihak mengenai pengeluaran awal Skim Persaraan Swasta (PRS) yang akan dikenakan cukai pegangan dan pindaan Seksyen 75A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

### **Skim Persaraan Swasta (PRS)**

Pengenalan PRS yang berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2012 adalah untuk menggalakkan tabungan di kalangan rakyat Malaysia selepas umur persaraan. Di mana, ia merupakan tabungan tambahan seseorang individu selain daripada tabungan wajib dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

---

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat | Jabatan Khidmat Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ 03-8313 8888 samb. 21326 / 21354 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Laman Web : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

Di bawah peruntukan ACP 1967 sedia ada, bayaran premium Insurans Nyawa dan KWSP diberikan pelepasan cukai sehingga RM6,000 untuk satu tahun taksiran. Oleh itu, pelepasan bagi PRS sehingga RM3,000 sebenarnya telah melayakkan setiap individu berkenaan untuk menikmati pelepasan cukai sehingga RM9,000 untuk satu tahun taksiran. Ketika ini amaun pelepasan sehingga RM 9,000 bagi kedua-dua tabungan untuk persediaan persaraan ini dilihat sebagai satu jumlah yang munasabah.

Pengeluaran awal sebelum mencapai umur persaraan 55 tahun akan menyebabkan objektif asal untuk memastikan rakyat Malaysia mempunyai tabungan yang mencukupi ketika bersara tidak dapat dicapai. Sekiranya ini berlaku kesan yang lebih buruk akan dialami oleh mereka di mana hasrat untuk menikmati kehidupan yang selesa selepas bersara akan turut terjejas.

**Justeru, pengenaan cukai pegangan sebanyak 8% terhadap pengeluaran PRS sebelum umur persaraan 55 tahun ini adalah wajar bagi tujuan mengekang kecenderungan pencarum mengeluarkan tabungan mereka sebelum tiba waktunya dan seterusnya membantu mencapai objektif asal pengenalan skim PRS ini.**

Namun demikian, terdapat pengecualian terhadap pengenaan cukai pegangan tersebut, di mana pengeluaran awal PRS tidak akan dikenakan cukai sekiranya:

- i. Pencarum meninggal dunia;
- ii. Pencarum meninggalkan Malaysia untuk selamanya;

---

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat | Jabatan Khidmat Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ 03-8313 8888 samb. 21326 / 21354 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Laman Web : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

- iii. Pencarum disahkan menghidap Penyakit Serius/Kritikal oleh Pengamal Perubatan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia;
- iv. Pencarum disahkan Hilang Upaya Kekal; dan
- v. Pencarum disahkan menghidap ketidakstabilan mental.

**Kesimpulannya, kerajaan kekal dengan janji asalnya iaitu caruman, keuntungan dan pendapatan dari skim PRS adalah dikecualikan cukai pegangan sekiranya pengeluarannya dibuat selepas pencarum mencapai umur persaraan 55 tahun.**

### **Pindaan Seksyen 75A Akta Cukai Pendapatan 1967**

Peruntukan ACP 1967 yang diperkatakan bukanlah satu peruntukan baru tetapi pindaan kepada peruntukan sedia ada iaitu mengurangkan peratus pegangan modal syer biasa syarikat yang melebihi 50% kepada sekurang-kurangnya 20%. Pindaan seksyen 75A ACP 1967 ini adalah selari dengan definisi “Syarikat Terkawal” yang termaktub di bawah Seksyen 2 ACP 1967, yang mana bilangan pengarahnya tidak melebihi 5 orang.

**Oleh itu, pindaan ini bukan bertujuan untuk memperluaskan skop pengenaan cukai kepada pemegang syer syarikat, sebaliknya ia sebagai satu langkah memastikan setiap pemegang syer bertanggungjawab terhadap obligasi percukaian syarikat mereka dan seterusnya dapat mengelakkan amaun cukai yang dikenakan atas keuntungan syarikat menjadi tertunggak.**

---

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat | Jabatan Khidmat Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ 03-8313 8888 samb. 21326 / 21354 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Laman Web : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

Pindaan peruntukan ini juga hanya terpakai kepada pengarah syarikat yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dan mengawal perjalanan syarikat berkenaan.

###

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat | Jabatan Khidmat Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ 03-8313 8888 samb. 21326 / 21354 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Laman Web : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh : 12 Disember 2013**

Mukasurat 4 daripada 3